

**PANDANGAN ORIENTALIS TERHADAP KEHUJAHAN AL QURAN, AL SUNNAH DAN
PERMASALAHAN KHILAF DALAM PENOLAKAN SYARIAT ISLAM.**

Oleh: ISMAIL BIN OMAR & ZAINUDIN BIN CHE` SEMAN

ismailomar@kuis.edu.my

Kertas ini menyorot kembali tentang fitnah terbesar yang dilontarkan oleh golongan Orientalis terhadap dua sumber utama hukum Islam iaitu Al Quran dan Al Sunnah di samping penyisihan Syariat Islam kerana wujudnya perbezaan pendapat (khilaf) diantara hukum-hukumnya. Pendedahan fitnah-fitnah ini akan disusuli dengan jawapan-jawapan yang tuntas dari kalangan ulama Islam. Hasilnya jika fitnah-fitnah Orientalis terhadap kebitaraan dalil-dalil utama Syariat Islam dan kejituannya ini tidak dipatahkan boleh meruntuhkan kelestarian hukum-hakam Islam. Kajian ini adalah kajian perpustakaan dengan menggunakan Kaedah Dukumentasi, Penyelidikan Perpustakaan dan Analisis Data.

Kata kunci: fitnah, orientalis, hukum, khilaf dan ulama.

PENDAHULUAN

Golongan Orientalis tidak ketinggalan membuat kajian terhadap al Quran dan Sunnah. Mereka mengkaji untuk melihat sudut-sudut kelemahan yang ada pada sumber ini mengikut tanggapan mereka, kemudian mereka cuba menimbulkan keraguan di kalangan umat Islam dan melemahkan pegangan dan keyakinan mereka terhadap kedua-dua sumber ini. Golongan ini juga mengkaji beberapa aspek lain tentang Syariah, contohnya *Ikhtilaf* dengan tujuan melemparkan fitnah bahawa Syariah tidak mempunyai asas yang kukuh sehingga para ulamanya terpaksa berbeza pendapat dan seterusnya mengundang perpecahan. Semua ini tidak boleh dipandang kecil oleh umat Islam pada masa sekarang, kerana ia adalah suatu ancaman dan penghakisan besar kepada kelangsungan syariat Islam, yang boleh menyesatkan dan membinasakan umat Islam itu sendiri.

PENGENALAN RINGKAS TENTANG ORIENTALIS

Gerakan Orientalis adalah; suatu gelombang pemikiran yang mewakili pelbagai bidang kajian tentang Islam di Timur, yang merangkumi aspek tamadun, keagamaan, peradaban, bahasa dan budaya serta pemikirannya. Pendukung-pendukungnya telah berusaha keras untuk memberi gambaran tentang Islam, mengikut persepsi mereka sendiri bagi mendominasikannya dalam persaingan di antara kedua-duanya.

Terdapat pelbagai teori berkaitan dengan penentuan sejarah awal gerakan Orientalis ini, namun sejumlah ahli Sejarah merujukkannya kepada zaman pemerintahan Islam di Andalusia, manakala sebahagian yang lainnya pula merujuk kepada era peperang Salib. Adapun gerakan Orientalis berasaskan agama ianya bermula secara resmi ketika terbitnya resolusi Konvensyen Gereja-gereja Vienna, pada tahun 1312 M. dengan diwujudkan pada masa itu beberapa kerusi penyelidikan bahasa Arab di beberapa universiti di Eropah. Namun konsep Orientalis Modern di

Eropah hanyalah bermula pada penghujung kurun ke 18 M. ia mula muncul di England pada tahun 1779 M dan di Perancis pada tahun 1799 M.

Golongan Orientalis pula boleh dikategorikan kepada tiga kelompok iaitu; **Kelompok Perintis** seperti; Jerbert de Oraliac (938 - 1003 M), Gerald de Gremona (1114 - 1187M) dan Roger Bacon (1214 – 1294 M). Seterusnya **Kelompok Sederhana** seperti; Hardrian Roland (m 1718 M), J.Reisk (1716 - 1774 M), dan Thomas Arnold 1864 - 1930M. Kemudiannya **Kelompok Finatik** seperti; Goldizher (1850 – 1920 M), J. Maynard (-) G.Von Grunbaum (1950an M), dan D.B. Macdonald (1800an - 1900an M).

Matlamat-matlamat gerakan Orientalis dapat diklasifikasikan sebagai berikut; **a) keagamaan, b) perdagangan, c) politik, dan d) akademik semata-mata.** Melalui matlamat-matlamat inilah, golongan Orientalis telah berkerja keras dan begitu berjaya mencapai hasilnya, sehingga menjelang kurun yang ke 21 M ini.

PANDANGAN TERHADAP AL QURAN

Golongan orientalis ketika membincangkan Al Quran biasanya mereka mengemukakan dua perkara pokok; **Pertama**, al Quran adalah ciptaan Muhammad dan bukannya wahyu Allah s.w.t. Jika mereka menerima sebagai wahyu, mereka berpendapat bahawa kumpulan Al Quran yang diusahakan oleh Khalifah `Uthman tidak lengkap. **Kedua**, mereka berpendapat bahawa al Quran tidak menekankan undang-undang tetapi menekankan moral.

Mereka berpendirian bahawa apa yang dibawa oleh Muhammad bukannya wahyu malah itu adalah ciptaannya sendiri. Untuk mengukuhkan kedudukan dakwaan mereka itu, pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Gustav Weil menuduh Baginda mengidap penyakit gila babi (epilepsy), Aloys Sprenger pula menuduh Baginda mengidap penyakit hysteria, William Muir pula menuduh Baginda sebagai pembohong dan D.S .Morgoliouth menuduh Baginda memperdayakan orang dengan kekuatan spiritualnya sebagaimana yang pernah berlaku dalam sejarah, iaitu manusia mudah sekali terpengaruh dengan kekuatan kuasa luar biasa.

Sungguhpun pada peringkat awal kecaman terhadap Rasulullah s.a.w. amat hebat dan liar, tetapi kemudiannya ternyata suasana agak berubah, apabila sarjana-sarjana Barat tidak dapat menerima lagi kecaman seperti di atas. Theodore Noldeke mengakui kenyataan bahawa Muhammad menerima wahyu dan mengakui dia dapat mengusai dirinya, perasaan normalnya yang memberi keyakinan kepada dia bahawa dia percaya bahawa dirinya dikuasai oleh kuasa Tuhan(divine influence). Tor Andrea yang mengkaji pembawaan Muhammad dan dilihatnya dari kacamata psikologi, mengakui bahawa pengakuan Muhammad adalah benar dan dia membawa risalah kenabian untuk zamannya dan masyarakatnya.

W.M. Watt dalam ulasannya terhadap pandangan sarjana-sarjana Barat sebelum ini berkata bahawa pandangan-pandangan yang diberikan oleh sarjana-sarjana itu adalah lebih banyak berasaskan Hadith dan tidak diambil perhatian pada kenyataan al Quran. Sebenarnya Muhammad yang kita kenal memang jelas sempurna kesihatannya sama ada tubuh badan atau akalnya. Tentulah suatu hal yang tidak dapat diterima akal, jika seorang yang mengidap penyakit gila babi, hysteria atau tidak dapat mengawal perasaannya dapat menjadi pemimpin tentera yang cergas dan dapat

menakluki beberapa kawasan, mempunyai pandangan yang jauh, sehingga dapat melahirkan sebuah negara (*City State*) dan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang beragama. Semua perkara yang disebut adalah jelas telah dilakukan oleh Muhammad.

Kenyataan yang menunjukkan perutusan Muhammad s.a.w. sebagai wahyu, antaranya terdapat di dalam al Quran yang menjelaskan bahawa Muhammad s.a.w. tidak bercakap melainkan apa yang diwahyukan kepadanya. Dia adalah manusia yang tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib melainkan apa yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. Selain itu, al Quran juga membawa ayat-ayat dalam ungkapan perintah seperti ‘*Qu’* maksudnya, ‘katakanlah’ dan ungkapan ini disebut 300 kali.

Ungkapan perintah yang paling jelas terlihat ketika ayat al Quran yang pertama diturunkan semasa Rasulullah s.a.w. diperintahkan supaya membaca, iaitu firman Allah s.w.t. “*Iqra’* yang bermaksud, “Bacalah”, perkataan ini diulang oleh Jibril kepada Rasulullah s.a.w. sebanyak tiga kali, sedangkan Baginda pula menjawab perintah itu dengan sabdanya yang bermaksud, “Saya tidak tahu membaca,” dan akhirnya dapat juga Baginda membacanya dengan bimbingan Jibril. Peristiwa ini berlaku ketika Muhammad berada di Gua Hira’. Setelah selesai penerimaan wahyu pertama ini, Baginda berasa cemas dan tidak tenang, sehingga Baginda terpaksa ditenangkan oleh isterinya Khadijah.

Pengalaman pertama penerimaan wahyu ini, menunjukkan bahawa maklumat yang datang kepada Nabi Muhammad s.a.w. itu bukan maklumat yang datang dari dirinya sendiri, tetapi datang daripada luar dirinya. Jika maklumat tersebut datangnya daripada dirinya, sudah tentu Baginda dapat membacanya dengan mudah, tidak akan timbul perasaan cemas dan resah kepada diri Baginda. Perasaan cemas yang dirasai Baginda amat serius sehingga isterinya terpaksa menenangkannya dengan kata-kata yang dapat meyakinkan Baginda dan berusaha mencari maklumat dari sepupunya Waraqah bin Naufal tentang kedatangan wahyu. Sungguhpun begitu, ketenangan itu tidak sepenuhnya dicapai, melainkan selepas datangnya wahyu kedua kepada Baginda. Oleh itu jelaslah apa yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. di Gua Hira’ merupakan peristiwa datangnya wahyu daripada Allah s.w.t.

Wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. memakan masa selama lebih kurang 23 tahun. Jika maklumat di dalam Al Quran itu daripada inspirasi pemikiran Baginda, sudah tentu Baginda tidak perlu menunggu selama itu dan tidak menghadapi gangguan perasaan pada setiap kali kedatangan wahyu. Hal-hal seperti ini juga tidak pernah berlaku kepada seseorang pengarang yang hendak menulis karyanya. Oleh itu, jelaslah bahawa maklumat yang disampaikan oleh Baginda, dalam keagamaan, adalah daripada Allah s.w.t.

Antara bukti yang menunjukkan Al Quran sebagai wahyu ialah aspek ketinggian dan keindahan bahasanya, yang tidak dapat diatas dan ditandingi oleh sesiapa pun sejak mula diturunkan sehingga sekarang. Bahasanya sentiasa baru dan dapat disesuaikan sepanjang masa, oleh sesiapa sahaja, maksudnya bahasa Al Quran melampaui batas masa, sempadan negara, dan kelompok masyarakat. Demikian juga idea yang terkandung di dalam Al Quran menunjukkan kebenaran fakta ilmiah yang tidak dapat dipertikaikan, dalam apa juga aspek.

Jika diandaikan Al Quran adalah ciptaan Nabi Muhammad s.a.w. sudah tentu ketahanan bahasa dan isi kandungannya tidak dapat bertahan lama. Ia pasti akan ditelan masa, dianggap lapuk dan ketinggalan zaman. Tidak terdapat sebuah karya manusia yang mampu bertahan sepanjang

zaman dari segi bahasa dan ideanya di dalam sejarah berbanding dengan Al Quran. Sebenarnya, seperti dari apa yang kita ketahui daripada catatan sejarah bahawa nabi Muhammad s.a.w.tidak tahu membaca dan menulis, dan Baginda hidup di dalam masyarakat primitif, bagaimana baginda mampu mencipta wahyu yang begitu bernilai kalau tidak dari wahyu Allah s.a.w.? Pengalaman sejarah menunjukkan bahawa walau seberapa pintar manusia itu, tahap pemikiran dan penggunaan bahasanya tetap terikat pada persekitaran tempat dia berada, begitu juga kemampuan dari segi idea. Tetapi Al Quran nampaknya dari segi idea dan bahasanya tidak dipengaruhi oleh suasana persekitaran, malah idea yang terkandung di dalamnya sebahagian besar adalah bukan daripada realiti masyarakat tempat ia diturunkan.

Selain keistimewaan Al Quran dari segi bahasa dan isinya yang menunjukkan ia adalah wahyu, maka dari segi penulisan dan pengumpulannya juga ada istimewanya. Pengumpulan Al Quran dibuat dalam dua bentuk sejak mula diturunkan, iaitu melalui hafalan dan penulisan. Pengumpulan al Quran melalui cara ini dapat meyakinkan kebenaran maklumat itu dan terjamin daripada penyelewengan. Disamping itu, proses penyalinan semula al Quran dilakukan oleh sebuah jawatankuasa khas yang diketuai oleh Zayd bin Thabit, iaitu penulis wahyu Rasulullah s.a.w. dan pengumpul al Quran pada zaman Abu Bakr. Beliau telah ditugaskan oleh Khalifah Uthman untuk menjalankan tugas itu. Bagi meyakinkan ketepatan salinan baru al Quran, tiga sumber digunakan iaitu al Quran yang ditulis pada masa Rasulullah s.a.w. masih hidup, al Quran yang ditulis oleh Sahabat untuk kegunaan mereka sendiri dan maklumat hafalan daripada para sahabat. Demikianlah proses penulisan dan pengumpulan al Quran yang dilakukan begitu teliti sekalipun pada waktu itu masyarakatnya bukan daripada golongan intelek. Al Quran yang ditulis semula pada zaman Uthman telah diterima secara *Ijma'* oleh para Sahabat sebagai teks al Quran yang rasmi. Ketika itu tidak timbul penentangan yang jelas terhadap pengumpulan al Quran yang diusahakan oleh Khalifah Uthman kerana tidak ada sesuatu yang kurang dan cacat sehingga dapat dipertikaikan, sama ada dari segi bahasa susunan dan kandungannya. Jika ada sebarang kecacatan di dalamnya seperti ada ayat-ayat yang terbuang, sudah tentu akan timbul penentangan yang hebat di kalangan Sahabat, malah lebih hebat daripada itu ia akan mencetuskan perperangan, kerana beriman kepada al Quran adalah merupakan sebahagian daripada aqidah Muslim itu sendiri.

Orientalis mendakwa al Quran tidak menekankan undang-undang tetapi menekankan moral. Dakwaan itu dapat diterima jika yang dimaksudkan dengan undang-undang itu ialah dalam kontek pengertian Barat. Sebenarnya al Quran tidak menyatakan ia sebagai kitab undang-undang tetapi kitab Hidayah yang memuatkan maklumat-maklumat yang menyeluruh, untuk menimbulkan kesedaran kepada manusia tentang hubungannya dengan Allah s.w.t., dengan manusia dan dengan makhluk-makhluk lain serta menuntut mereka supaya menghayati pengajaran-pengajaran yang baik di dalamnya. Sungguhpun begitu tidak bermakna al Quran tidak mengandungi undang-undang. Terdapat lebih kurang lima ratus ayat di dalam al Quran yang berkaitan dengan perundangan yang merangkumi bidang ibadat, kekeluargaan, muamalat, jenayah, perhubungan antarabangsa, hukum cara dan keterangan. Maka berdasarkan hukum al Quran inilah Rasulullah s.a.w. dapat mengembangkan hukum-hukum lain, yang lebih detail untuk pelaksanaan pentadbiran undang-undang, seperti penggubalan Perlembagaan Madinah (*Sahifah*), apabila terdirinya Negara (*City State*) di Madinah dan undang-undang kecil yang lain. Undang-undang yang disebut di atas dilaksanakan semasa pemerintahan Rasulullah s.a.w. di Madinah dan disambung oleh para Sahabat pada masa kemudian.

PANDANGAN TERHADAP AL SUNNAH

Golongan Orientalis juga bukan sahaja mengkaji Al Quran untuk menggugat kebenarannya sebagai sumber wahyu dan sumber perundangan Islam, malah mereka juga mengkaji Sunnah untuk menimbulkan keraguan yang sama, kerana Sunnah dianggap oleh Muslim sebagai wahyu dan sumber kedua perundangan Islam.

Orientalis ketika membincangkan Hadith, memberi tumpuan kepada tiga perkara iaitu pengertian Sunnah, masalah *isnad*, sebagai saluran bagi menentukan kesahihan Sunnah dan akhirnya pengumpulan Sunnah.

Berhubung dengan definisi Sunnah, J. Schacht berpendapat bahawa Sunnah yang bererti pembawaan Rasulullah s.a.w. merupakan pengertian yang diberikan Syafie. Pengertian ini adalah bertentangan dengan pengertian ulama sebelumnya, yang menganggap Sunnah tidak semestinya dikaitkan dengan Rasulullah s.a.w. malah ia dimaksudkan juga dengan tradisi dan pembawaan hidup masyarakat.

Ada juga pandangan J. Schacht tentang *Isnad*. Beliau berpendapat bahawa kaedah dan kriteria yang digunakan oleh ulama untuk menilai periwayat Hadith, bagi menentukan kesahihan Hadith adalah tidak cukup, dan natijah daripada itu ialah timbulnya banyak pemalsuan dalam pengumpulan dan penilaian Hadith. Berhubung dengan pengumpulan Hadith pula, beliau berpendapat bahawa ia berlaku dua ratus tahun selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Justeru itu banyak berlaku pemalsuan terhadapnya.

Jadi berdasarkan alasan yang dikemukakan itu jelaslah bahawa Hadith adalah maklumat palsu dan dengan sendirinya segala hukum yang terkandung di dalamnya adalah palsu belaka dan merupakan rekaan ahli-ahli Hadith. Bagi Muslim, beliau tidak mudah menerima dakwaan ini, kerana terdapat data-data yang kukuh dan benar untuk menunjukkan pembawaan Rasulullah s.a.w. Berhubung dengan pengertian Sunnah di kalangan ulama Hadith, penggunaannya ada dua, iaitu; **pertama**, Sunnah dalam penggunaan biasa dalam Bahasa Arab, sebagaimana yang dinyatakan di atas, dan **kedua**, pengertian *istilahi* setelah Sunnah ini dipengaruhi oleh ajaran Rasulullah s.a.w. yang kemudiannya menjadi satu bidang ilmu yang tersendiri. Pengertian Sunnah mengikut istilah, yang membawa kepada pembawaan Rasulullah s.a.w. adalah ditentukan selepas kedatangan Baginda dan setelah Baginda dapat menunjukkan secara jelas pembawaan itu untuk diikuti oleh kaum Muslimin dalam semua perkara. Pembawaan Rasulullah bukan sahaja terserah dalam kehidupan peribadinya, malah mempengaruhi kehidupan individu yang lain dan mempengaruhi corak hidup masyarakat. Melalui Sunnah ini, Baginda cuba menyeragamkan pembawaan hidup manusia dan mengurangkan perbezaan di antara mereka seberapa banyak yang boleh. Jika hendak dianggap bahawa Sunnah itu dapat dirujukkan juga kepada tradisi dan pembawaan hidup masyarakat, ini bermakna dikhususkan kepada masyarakat yang telah disebatkan oleh Sunnah Rasulullah s.a.w. Sungguhpun pengertian istilah ini popular selepas kedatangan Islam, tidak bermakna pengertian Sunnah yang biasa itu dihapuskan. Kenyataannya, kedua-dua pengertian ini berterusan dipakai. Dengan pemakaian istilah tersebut dapatlah dilihat gambaran yang jelas tentang pengertian Sunnah yang sebenarnya, yang menjadi panduan dalam kehidupan manusia.

Selain dari itu jika dilihat kepada penggunaan ulama sebelum Shafī'I, perkataan tersebut lebih banyak dirujukkan kepada pembawaan dan pengajaran Rasulullah s.a.w. dan amat terbatas sekali penggunaannya kepada tradisi dan adat masyarakat.

Berhubung dengan *Isnad* dalam menentukan kesahihan Hadith, ia merupakan satu metode baru dalam menentukan kesahihan maklumat, yang tidak ada dalam tradisi lain dalam bidang pengumpulan maklumat, sehingga kitab Injil penganut Kristian pun tidak terdapat rangkaian *Isnad* ini. Sebenarnya perhatian ulama Hadith kepada rangkaian *Isnad* untuk menentukan kasihihan Hadith, bukannya suatu yang direka-reka dan diada-adakankan tanpa asas, tetapi ia merupakan sesuatu yang benar berdasarkan catatan sejarah yang jelas tentang perhubungan periwayat-periwayat Hadith di antara satu dengan yang lain. Berdasarkan ungkapan yang digunakan dapatlah ditentukan corak perhubungan di antara seorang periwayat dengan periwayat yang lain, sama ada perhubungan itu berlaku secara langsung atau tidak langsung atau perhubungan itu di antara murid dengan gurunya. Penelitian perhubungan itu dikaji dari sudut pengajian, masa hidup mereka, akhlak, cara hidup dan pekerjaan mereka. Berdasarkan penilaian terhadap peribadi dan keilmuan periwayat inilah ditentukan kedudukan sebuah Hadith, sama ada Sahih, Hasan atau Da`if dan begitu juga kedudukannya sama ada Mutawatir, Masyhur atau Ahad dan lain-lain.

Justeru itu dengan kelahiran istilah yang berbagai-bagai ini dapatlah ditentukan kesahihan Hadith dan ketelitian kaedah yang digunakan sehingga lahirlah satu ilmu khusus tentang *Isnad* iaitu '*Ilm al Jarh wa al Ta`dil*', yang bertujuan mengawal Hadith daripada berlaku penipuan dan pemalsuan yang berleluasa. Berdasarkan asas penilaian inilah para ulama dengan teliti sekali dapat mengesan Hadith-Hadith yang palsu, tetapi bilangannya amat terhad jika dibandingkan dengan Hadith-Hadith yang dapat diterima. Oleh itu amat tidak tepat jika menggunakan andaian dengan adanya Hadith palsu ini menimbulkan anggapan bahawa semua Hadith adalah palsu. Bagi Muslim terdapat bukti yang jelas tentang kesahihan Hadith Rasulullah s.a.w terutama Hadith yang berkaitan dengan peribadatan dan keagamaan, yang dikira sebagai perkara yang diketahui umum oleh orang Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w sehingga ke hari ini, yang sebahagian besar maklumat Hadith ini datangnya secara Mutawatir.

Berhubung dengan pengumpulan dan penulisan Hadith pula, untuk kepastiannya perlu dilihat dalam dua tahap, iaitu tahap penulisan bukan dalam bentuk pembukuan, dan tahap penulisan dan pengumpulan dalam bentuk pembukuan. Hadith dalam bentuk penulisan telah berlaku zaman Rasulullah s.a.w masih hidup. Kenyataan ini dapat dibuktikan dalam Perlembagaan Madinah, surat-surat Rasulullah s.a.w yang dihantar kepada ketua-ketua Negara dan lain-lain. Selain itu terdapat juga penulisan Hadith yang dilakukan oleh para Sahabat secara bersendirian untuk kegunaan sendiri, seperti Hadith yang ditulis oleh Hammam bin Munabbih.

Adapun penulisan dan pengumpulan dalam bentuk buku secara rasmi adalah diakui berlaku pada masa kemudian. Pengumpulan tahap ini berlaku selepas abad kedua Hijrah terutamanya kumpulan Hadith yang enam iaitu Bukhari, Muslim, Ibn Majah, Nasai, Abu Dawud dan Tarmidzi. Begitu juga kumpulan hadith dalam bentuk *musnad* seperti Musnad Ahmad, Darimi, Baihaqi dan lain-lain.

Oleh itu berdasarkan penjelasan dan alasan yang diberikan dapatlah diyakini bahawa Hadith adalah maklumat yang sebahagian besarnya adalah benar daripada Rasulullah s.a.w. yang menjadi penjelas maksud al Quran dan pentafsir kepada pengertiannya, terutamanya dalam perkara-perkara

yang berkaitan dengan peribadatan dan kerohanian. Maksud al Quran tidak dapat difahami sepenuhnya tanpa bantuan daripada Hadith. Justru itulah ulama meletakkan Hadith sebagai sumber kedua perundangan Islam.

PANDANGAN TERHADAP IKHTILAF

Golongan orientalis tidak ketinggalan mengupas masalah *Ikhtilaf atau khilaf*. Mereka memandang bahawa persoalan *Ikhtilaf* adalah persoalan pokok yang serius, bukan soal sampingan dan cabang hukum sebagaimana yang difahami oleh Fuqaha`. Iqnoz Goldziher dalam bukunya, `al Aqidat wa al Syariat fi al Islam` menyatakan bahawa Hadith `Ikhtilaf ummati rahmatun` , yang dijadikan asas keharusan *Ikhtilaf* oleh Fuqaha`, sebenarnya ditimbulkan untuk melahirkan sikap toleransi di kalangan pelbagai golongan yang menunjukkan pendekatan mereka untuk menentang serangan - serangan musuh dari luar dan dalam, disebabkan perbezaan pendapat mengenai hukum. Dalam kontek yang sama, Joseph Schacht menyatakan bahawa hadith ini timbul sebagai tindak balas orang-orang Madinah menentang pengesyoran *Ijma`* sebagai yang pernah disuarakan oleh Ibnu Muqaffa`. Lebih daripada itu J.N. Coulson menulis tentang masalah ini di dalam bukunya yang berjudul *Conflict and Tensions in Islam's Jurisprudence*. Beliau menyatakan bahawa *Ikhtilaf* ini berlaku adalah disebabkan oleh dua unsur yang membentuk dua perundangan itu sendiri, iaitu wahyu daripada Allah s.w.t. dan *ra'y* (ratio) daripada manusia. Pada pandangannya bahawa Hadith `Ikhtilaf ummati rahmatun` yang menjadi asas keharusan *ikhtilaf* tidak lebih sebagai alasan untuk membenarkan fenomena yang berlaku tentang perbezaan pendapat mengenai hukum.

Jika dikaji daripada kenyataan di atas dapat kita mengambil dua kesimpulan; **Pertama**, tanggapan mereka tentang *Ikhtilaf* itu bukannya hukum cabang tetapi adalah masalah pokok yang berlaku di kalangan Fuqaha`. **Kedua**, mereka menganggap Hadith ini sebagai sandaran yang utama dalam masalah ini yang mereka cuba mencari alasan untuk menolaknya.

Untuk menjelaskan kekeliruan yang ditimbulkan oleh para Orientalis, maka dua perkara berikut akan dibincangkan:

Petama: Fuqaha` yang memahami bidang ini berpendapat bahawa *Ikhtilaf* yang diharuskan berlaku dalam hukum-hukum ialah masalah-masalah cabang dan bukannya masalah pokok, iaitu masalah yang diharuskan berijtihad padanya. Untuk mengkaji secara jelas ulasan tentang *Ijtihad* ini cuba lihat ulasan yang diberikan oleh imam Shafi'i , iaitu orang pertama yang mengulas masalah ini secara Usul dan Fiqh. Beliau membahagikan *Ikhtilaf* kepada dua bahagian: **pertama**, *Ikhtilaf* yang diharuskan, dan **kedua**, *Ikhtilaf* yang diharamkan. Imam Shafi'i berpendapat bahawa *Ikhtilaf* yang diharamkan ialah setiap perkara yang terdapat hujjah dan Nas yang jelas di dalam al Quran atau daripada Rasulullah s.a.w. maka ianya tidak diharuskan *Ikhtilaf* padanya. Tetapi selain itu, untuk Nas yang boleh dita`wil dan diqiyaskan maka penta`wil dan pengqiyas boleh berpendapat mengikut pengertian yang dikehendaki oleh Hadith dan Qiyas, walaupun orang lain menyanggah pendapatnya. Bagi Imam Syafi'i, bidang ini tidak disempitkan ruang *Ikhtilaf* itu sebagaimana sempitnya *Ikhtilaf* dalam perkara yang sudah terang Nasnya.

Daripada penjelasan yang diberikan oleh Imam Syafi'i itu, dapat kita fahami bahawa Nas-nas *Qat'i* yang dapat diistinbatkan hukum daripadanya tidak menimbulkan perbezaan pendapat di

kalangan Fuqaha` dan tidak diharuskan *Ikhtilaf* padanya. Walaubagaimanapun diharuskan berbeza pendapat itu dalam masalah yang timbul daripada *Ijtihad* dan kefahaman daripada *Nas-Nas Zanni* sahaja, iaitu dalam masalah yang diharuskan berijtihad dan bukan yang lain daripada itu. Nampaknya golongan Orientalis , ketika menganalisis masalah ini, tidak memahami atau tidak mahu memahami perbezaan ini malah mereka merangkumnya secara keseluruhan, sedangkan pada pandangan Fuqaha` bahawa hukum-hukum yang diasaskan atas *Nas-Nas Zanni* inilah yang mempunyai potensi untuk berkembang dan menyelesaikan persoalan-persoalan baru dalam masyarakat. Tegasnya, perbezaan pendapat di kalangan Fuqaha` hanya berlaku pada masalah-masalah hukm *Ijtihad* sahaja atau masalah-masalah *furu`*.

Kedua: Hadith yang ditonjolkan di sini sebagai asas membenarkan perbezaan itu, bukannya merupakan sandaran yang asas bagi Fuqaha` dalam membincangkan masalah tersebut, malah Hadith ini dianggap *Da`if* oleh ahli-ahli Hadith, dan ternyata Hadith ini hanya dikemukakan oleh Fuqaha` zaman taqlid, yang dianggap sebagai dalil sampingan sahaja dan tidak boleh dijadikan asas pokok kepada masalah ini kerana kesahihannya masih diragui. Imam Syafi`i orang pertama yang menganalisis masalah ini tidak pernah menggunakan Hadith ini sebagai sandaran kepada persoalan tersebut tetapi beliau merujuk kepada al Quran dan kenyataan yang berlaku di kalangan Sahabat Rasulullah s.a.w.

Selain itu, pada akhir abad kedua dan awal abad ketiga Hijrah, berlakunya perbezaan pendapat dalam masalah-masalah *Furu`* merupakan suatu fenomena umum. Hal ini dapat diterima sebagai perkara biasa dalam perlumbaan Fiqh oleh ulama Mujtahid dan mereka masing-masing menghormati pendapat di antara satu dengan yang lain dan setiap Mujtahid berpegang kepada pendapatnya. Perkara ini jelas dapat dilihat dalam karya Fiqh yang ulung dalam bidang *Ikhtilaf* di mana Abu Yusuf mengumpulkan pendapat-pendapat yang berbeza di antara Ibn Abi Laila dengan Abu Hanifah, begitu juga Imam Shafi`i yang mengumpulkan hukum-hukum *Ikhtilaf* di kalangan Sahabat Rasulullah s.a.w. dengan Fuqaha` pada zamannya dan sebelum zamannya.

KESIMPULAN

Sekalipun tidak dapat dinafikan wujudnya sumbangsan Orientalis yang begitu besar terhadap khazanah *turath Islami* di celah-celah usaha mereka menimbulkan kekeliruan dan tindak balas negatif terhadap umat Islam, namun perlu disedari bahawa pemikiran dan gerakan ini lahir di tengah-tengah pertembungan di antara peradaban Kristian dan Yahudi dengan Peradaban Islam, yang berniat untuk merencatkan dan menghancurkan Islam itu sendiri. Barat adalah pentas utama bagi drama golongan ini. Hampir semua negara utama di Barat, warganya telah terlibat memainkan peranan jahat ini seperti ; German, Britain , Perancis, Belanda, Itali, Asuania dan dengan Amerika sebagai kemuncaknya pada kebelakangan ini. Kelihatan semua agensi mereka baik kerajaan maupun swasta sanggup membelanjakan peruntukan yang begitu besar ke atas gerakan ini , atas nama kepentingan Kristian dan Yahudi dan telah memberi kerjasama padu terhadap penjajahan ke atas umat Islam. Demi al Quran dan al Sunnah sebagai sumber utama syariat Islam dan sistem *Ikhtilaf Islami* yang menjamin kelestarian umat Islam, maka seluruh cendiakawan Islam dan pemimpinnya perlu bangun berhadapan dengan gerakan Orientalis ini biarpun buat ke sekalian kalinya. Inilah perjuangan suci yang sebenar, iaitu perjuangan menentang punca segala kebatilan.

Wallahu a`lam.

RUJUKAN

- 1) Abd.al-Wahab Khallaf, 1968: *Ilm Usul Fiqh*, Kuwait, Al Dar Al Kuwaitiyyah.
 - 2) Abu Zahrah, t.th.: *Tarikh al Mazahib al Islamiyyah*, Qahirah, Dar al Fikr al Arabi.
 - 3) Goldziher, Ignas Goldziher t.th.: *Al Aqidah wa Al Syariah fi al Islam*, Terj. Muhammad Yusuf Musa dan kawan-kawan.
 - 4) Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al Ghazali t.th. *Al Mustasfa*, Beirut, Dar al Sadir.
 - 5) Helmet Catje, 1975: *The Quran And It's Exegesis*, Los Angeles, Translated And Adited By Alford T.Welth.
 - 6) Joseph Schacht ,1967: *The Origins Of Muhammadan Jurisprudence*. Oxford.
 - 7) Muhammad Hamidullah, 1961: *The First Constition of The World*. Paris.
 - 8) Muhammad Muslihuddin, t.th.: *Philosophy Of Islamic Law And The Orientalist*, Lahore.
 - 9) N.J. Coulson, 1969: *Conflict And Tensions In Islamic Jurisprudence*, Chicago, University of Chicago Press.
 - 10) N.J. Coulson 1964: *A History of Islamic Law*. Edinburg.
 - 11) Syafi'i, Muhammad bin Idris, 1969: *Al Risalah*, Qahirah, Mustafa al Babi al Halabi.
 - 12) Al Suyuti,t.th. *Ashbah Wa Al Nazair*, Qahirah, Mustafa al Babi al Halabi.
 - 13) WAMY, 1989: *Al Mausu`ah al Muyassarah fi al Adyan wa al Mazahib al Mu`asarah*, WAMY, Riyadh.
-